

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**SEMPENA
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-43
PERSATUAN PEGAWAI AKADEMIK UPM (PPAUPM)**

**10 MAC 2023
DEWAN FAKULTI PERTANIAN**



Segala puji bagi ALLAH SWT Pentadbir Seluruh Alam, Selawat dan Salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu sekalian rasul dan pembawa rahmat sekalian alam dan syafaat buat seluruh umat.

TERIMA KASIH TUAN/PUAN PENGERUSI MAJLIS,

Yang Berbahagia, Profesor Dr. Ahmad Bin Ismail
Presiden,
Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC)

Yang Dihormati Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah
Presiden
Majlis Presiden Persatuan Akademik (MPPA) Universiti Awam

Yang Berbahagia, Profesor Dr Jalila Abu
Presiden
Persatuan Pegawai Akademik UPM (PPAUPM)

Presiden-Presiden dan Wakil Exco Persatuan dan Kesatuan UPM

Barisan Exco PPAUPM dan Khasnya buat semua ahli PPAUPM yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tuan-tuan, Puan-puan dan sidang hadirin yang dirahmati Allah SWT,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun di Dewan Fakulti Pertanian bersempena Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai Akademik Universiti Putra Malaysia (PPAUPM) ke-43 pada pagi yang penuh barakah ini.
2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Presiden dan Exco Persatuan Pegawai Akademik Universiti Putra Malaysia (PPAUPM) atas undangan untuk saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai Akademik Universiti Putra Malaysia (PPAUPM) ke-43 pada pagi ini, 10hb Mac 2023 yang mana pada hari ini juga merupakan tarikh bersejarah untuk kita semua iaitu ulang tahun ke-47 PPAUPM.
3. Mesyuarat Agung kali ini dijalankan secara hybrid bagi membolehkan ahli ahli PPAUPM dari kampus Serdang untuk menyertai secara fizikal, ahli PPAUPM dari Kampus Bintulu secara dalam talian dan tidak ketinggalan ahli ahli PPAUPM yang bertugas di luar negara sekarang atas urusan kerja menghadiri mesyuarat, persidangan serta latihan juga melalui platform dalam talian. Langkah ini dibuat bagi membolehkan lebih ramai dalam kalangan ahli PPAUPM mengambil bahagian di samping memberikan peluang percambahan idea, pandangan dan pertukaran buah fikir dapat dikongsi untuk kejayaan bersama. Hal ini selaras dengan komitmen kita bagi 'Memahat Gemilang, Membingkas

Kelangsungan al-Falah' yang terpatri dalam Naratif Naib Cancellor tahun ini.

Tuan dan puan serta ahli PPAUPM yang dihormati sekalian,

4. Saya difahamkan bahawa 3 tahun berturut-turut mulai 2020-2022 Mesyuarat Agung Tahunan PPAUPM terpaksa dijalankan secara atas talian disebabkan Pandemik Covid-19 mempengaruhi eko-sistem aktiviti kita. Syukur, kini kita berada di era endemik yang membuka peluang kepada ahli PPAUPM seramai 998 orang untuk bersama-sama dalam mesyuarat, sama ada secara bersemuka atau secara atas talian.
5. Saya juga menyeru agar lebih ramai pegawai akademik UPM untuk menyertai PPAUPM yang merupakan wadah perjuangan kebajikan dan kesejahteraan ahli pegawai akademik UPM sebagaimana dalam Halatuju PPAUPM yang dapat dilihat menerusi laman web PPAUPM. Selain itu, halatuju lain PPAUPM juga mendukung agenda membudayakan ilmu bagi memenuhi fungsi UPM sebagai menara ilmu serta memasyarakatkan segala kepakaran ahli akademik untuk kemaslahatan komuniti dan masyarakat luar selaras dengan motto UPM – Berilmu Berbakti. Hal ini juga seiring matlamat universiti untuk mengetengahkan kepakaran UPM kepada kemajuan universiti, masyarakat, negara dan global.

Tuan dan puan serta ahli PPAUPM yang dikasihi sekalian,

6. Yang Berhormat Menteri KPT semasa amanat Tahun Baru 2023 pada bulan lepas telah mengumumkan 11 Agenda Utama

Kementerian sebagai hala tuju KPT. Sebelas agenda Kementerian Pengajian Tinggi ini menuntut setiap institut pengajian tinggi termasuk UPM merancang dasar dan program bagi memenuhi Agenda KPT seperti yang berikut:

1. Menterjemahkan **aspirasi nasional** secara tegas, tuntas dan tepat.
 2. Bersikap **professional, adil, objektif dan tidak politikal**.
 3. Menilai semula **kedudukan Kementerian** secara keseluruhan.
 4. Memperkukuhkan kekuatan **sumber intelektual** Malaysia.
 5. Mengurus pelbagai **perubahan dan ledakan teknologi**.
 6. Memperkukuhkan peranan Malaysia sebagai '**lynchpin for talents and knowledge**'.
 7. Rombakan besar-besaran terhadap sistem dan ekosistem **TVET nasional**.
 8. Memastikan **kepentingan IPTS** dalam sektor Pendidikan tinggi.
 9. Kualiti dan kecemerlangan **akademik**.
 10. Memperbaiki akses dan rejim **pembiayaan pendidikan**.
 11. Pemerksaan **mahasiswa**.
7. Sebagai institusi keilmuan, UPM perlu sentiasa bersikap professional, adil, objektif dalam tata kelola perkhidmatan dan perkongsian kepakaran kita. Fungsi UPM sebagai menara ilmu yang berteraskan perkongsian maklumat untuk menyumbang kepada kemajuan bidang, warga kampus, masyarakat dan kesejahteraan negara dan global akan sentiasa dilestarikan tanpa berbelah bahagi.

8. Pada masa sama, pihak UPM sentiasa memperkukuh sumber intelektual UPM dan negara. Proses *Continuous Capacity Building* perlu diterapkan dalam kalangan warga UPM untuk meningkatkan sumbangan kepakaran mereka dengan lebih efektif dalam dan luar negara. Harapan saya agar ahli akademik dan ahli PPAUPM khususnya, untuk meneroka dana latihan luar negara yang disediakan oleh organisasi antarabangsa mengikut bidang masing-masing untuk membida geran antarabangsa bagi latihan staf. Ini sebagai langkah tambahan kepada geran dalaman sedia ada.

9. Saya juga berharap agar warga UPM khasnya ahli ahli PPAUPM untuk menjalinkan jaringan dengan pihak UA dan IPTS yang mempunyai kekuatan berlainan supaya secara bersama kita dapat menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara. Selain itu kita perlu sentiasa memperkasakan mahasiswa kita yang menjadi aset utama IPT. Produk *output primer* IPT ialah mahasiswa yang menjadi cerminan kepada pihak industri dan majikan. Justeru, di bahu kita tergalas amanah dan tanggungjawab untuk memastikan produk iaitu mahasiswa UPM adalah individu yang memiliki sosok warganegara yang baik. Mahasiswa UPM juga telah disediakan dengan pelbagai ilmu dan kepakaran untuk bersedia bersaing di pasaran industri sekali gus akan menjadi ikon alumni yang kembali menyumbang kepada alma metter. Insya-Allah.

10. Pengurusan universiti sentiasa komited bagi memastikan kebajikan staf akademik diberikan perhatian dan sentiasa bersifat adil dengan sebarang keputusan yang akan dilaksanakan. Saya dimaklumkan bahawa Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah mengadakan Sesi Townhall Cadangan Kriteria Baharu Empat Laluan Kerjaya Pegawai Akademik dan Penambahbaikan Pelantikan Pensyarah UPM pada 1 dan 17 Februari 2023 lepas yang melibatkan semua pegawai akademik berjawatan Profesor Madya dan Pensyarah Kanan. Draf awal oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) tersebut adalah hasil perbincangan daripada Ahli Jawatankuasa terdiri daripada pelbagai latarbelakang jawatan akademik dan tujuan sesi townhall diadakan adalah bagi mendapatkan maklum balas daripada semua pegawai akademik terlibat sebelum cadangan akhir dimurnikan bersama Ahli JPU.

11. Pengakhir bicara sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan PPAUPM atas undangan ke Mesyuarat Agung Tahunan Ke-43 ini. Saya mendoakan semoga Mesyuarat Agung kali ini dapat dilangsungkan dengan baik, penuh harmoni bagi memacu kecemerlangan UPM khususnya, Sesungguhnya masih banyak usaha yang perlu dilakukan secara kolektif dan semoga usaha kita Allah SWT rahmati dan berkati.

12. Dengan lafaz mulia, **Bismillahirrahmanirrahim** “**Saya dengan ini merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke 43 Persatuan Pegawai Akademik UPM** pada pagi Jumaat yang penuh keberkatan ini.

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

“BERILMU BERBAKTI”

**YBHG. PROF. DATO’ DR. MOHD ROSLAN BIN SULAIMAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
10 MAC 2023**